

laporan JAWATANKUASA AUDIT

Ahli-Ahli Jawatankuasa

P. Raveenderen
Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin
Megat Dziauddin Megat Mahmud
Paisol Ahmad

Pengerusi & Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 21 November 2008)

Keahlian

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dan terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang mana kesemuanya mestilah merupakan Pengarah Bukan Eksekutif dan majoriti daripada mereka hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas. Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia atau layak untuk menjadi ahli.

Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang Pengerusi daripada kalangan anggota mereka yang merupakan Pengarah Bebas.

Tempoh jawatan akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua (2) tahun.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk melaksanakan sebarang aktiviti dalam lingkungan bidang tugasnya dan mempunyai akses tanpa had kepada semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, juruaudit dalaman dan luaran, serta semua kakitangan Kumpulan.

Ia boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya sekali, tanpa kehadiran para pengarah dan kakitangan lain syarikat penerbit tersenarai tersebut, apabila dianggap perlu.

Ia juga hendaklah mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau nasihat profesional lain yang difikirkan perlu.

Bidang Tugas

Tugas utama Jawatankuasa adalah:

1. Untuk mengkaji dan meluluskan rancangan audit tahunan, piagam audit, belanjawan, skop prosedur audit, program audit dan laporan juruaudit dalaman termasuk tindakan susulan yang diambil berhubung cadangan audit dalaman;
2. Untuk mengkaji kecukupan skop, fungsi, daya saing dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
3. Untuk meneliti dan mengkaji secara tahunan dengan juruaudit luaran, rancangan dan audit laporan termasuk keselarasan antara juruaudit dalaman dan luaran bagi memastikan tidak terdapat duplikasi dalam tugas mereka;

4. Untuk mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun sebelum mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah termasuk kerjasama yang diberikan oleh para pegawai Syarikat kepada juruaudit;
5. Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pencalonan juruaudit luaran selepas menilai prestasi mereka dan mempertimbangkan imbuhan juruaudit dan sebarang kemusykilan mengenai perletakan jawatan atau penyingkiran;
6. Untuk mengkaji surat pengurusan juruaudit luaran dan maklum balas pihak Pengurusan berkaitannya;
7. Untuk mengkaji penyata penzahiran dalam laporan tahunan mengenai pematuhan dengan syarat-syarat Bursa Malaysia;
8. Untuk mengkaji sebarang urusniaga pihak yang berkaitan dan sebarang situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan; dan
9. Untuk mengkaji peruntukan bagi opsyen menurut Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat.

laporan jawatankuasa audit

Mesyuarat

Korum hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli dengan Pengarah Bebas membentuk majoritinya.

Sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat dirancang pada setiap tahun. Mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa sekiranya diminta oleh mana-mana ahli jawatankuasa, pihak Pengurusan, juruaudit dalaman atau luaran.

Pengerusi Jawatankuasa Audit boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangannya.

Minit mesyuarat akan diedarkan kepada Lembaga selepas disahkan.

Setiasaha kepada Jawatankuasa adalah Setiasaha Syarikat.

Bagi tahun kewangan yang ditinjau, sebanyak empat (4) mesyuarat jawatankuasa audit telah diadakan. Butiran kehadiran ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

| Nama Ahli Jawatankuasa Audit | Jumlah mesyuarat dihadiri |
|---|---------------------------|
| i. P. Raveenderen | 4/4 |
| ii. Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin | 4/4 |
| iii. Megat Dziauddin Megat Mahmud | 4/4 |
| iv. Paisol Ahmad | 1/1 |

Aktiviti utama yang telah dijalankan semasa mesyuarat adalah:

1. Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
2. Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pencalonan juruaudit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009;
3. Mengkaji rancangan audit juruaudit luaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2009;
4. Mengkaji surat pengurusan juruaudit luaran dan maklum balas pihak Pengurusan berkaitan dengannya. Satu mesyuarat tanpa kehadiran pihak Pengurusan juga telah diadakan dengan juruaudit luaran;
5. Mengkaji urusanniaga pihak berkaitan yang dilakukan oleh Kumpulan;
6. Mengkaji penyata penzahiran dalam laporan tahunan mengikut pematuhan syarat-syarat Bursa Malaysia;
7. Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan baru yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
8. Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pembayaran dividen interim dan akhir;

9. Mengkaji keputusan audit dalaman yang dijalankan sepanjang tahun dan kecukupan tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan; dan
10. Mengkaji rancangan tahunan Jabatan Audit Dalaman bagi tahun 2009.

Tiada peruntukan opsyen untuk dikaji oleh Jawatankuasa Audit pada tahun ini berhubung Skim Opsyen Saham kakitangan Syarikat.

Jabatan Audit Dalaman

Jabatan Audit Dalaman ditubuhkan pada 2 Januari 1991. Ia bebas daripada aktiviti atau operasi mana-mana unit beroperasi.

Ringkasan aktiviti bagi tahun ini adalah seperti berikut:

1. Audit dijalankan bagi pelbagai portfolio perniagaan/jabatan perkhidmatan anak-anak syarikat yang beroperasi;
2. Audit susulan dijalankan ke atas Pelaksanaan syor-syor Jawatankuasa Audit dan tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan untuk memperbaiki isu-isu yang dikenal pasti semasa audit; dan
3. Menyediakan rancangan audit dan belanjawan sumber tahunan bagi pertimbangan Jawatankuasa Audit.